

Headline	Felda akan terus hambat PDRM, P. Pinang Irfan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	173,387
Page No	30	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,915
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,746



# Felda akan terus hambat PDRM, P. Pinang - Irfan

KUALA LUMPUR - Awas buat PDRM dan Pulau Pinang! Felda United memberikan amaran yang mereka sama sekali tidak akan berputus asa menghambat kedua-dua pasukan itu hingga penghujung musim ini dalam usaha memburu dua slot automatik ke Liga Super musim hadapan.

Hanya dipisahkan dengan empat mata dengan Pulau Pinang di tangga kedua selepas 11 perlawanan, skuad Felda di bawah kendalian Irfan Bakti dilihat berada di landasan terbaik untuk terus mengutip mata penuh berdasarkan prestasinya yang menang empat perlawanan terakhir.

Masih menyimpan harapan masih mampu memintas kedudukan PDRM dan Pulau Pinang, Irfan melontarkan cabaran kepada para pemainnya agar menjadikan perlawanan menentang DRB-Hicom FC pada malam ini sebagai permulaan sempurna pusingan kedua Liga Perdana.

“Peluang kami untuk memburu dua tempat teratas masih terbuka, jangan anggap PDRM dan Pulau Pinang berada dalam kedudukan selesa, saya yakin kami boleh mengejar mereka.

“Mungkin tempat kedua paling realistik buat kami memandangkan Pulau Pinang akan bertandang dua kali ke tempat lawan iaitu berdepan JDT (Johor Darul Ta’zim) II dan Sabah sebelum berdepan PDRM di tempat sendiri.

“Saya yakin ketiga-tiga perlawanan ini akan menjadi detik penentu dan Felda boleh merapatkan jurang mata dengan mereka jika kami menang dalam semua perlawanan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kedah menjadi mangsa terbaru Felda apabila kalah 1-0 pada Isnin lalu. Skuad The Settlers sebelum itu menang 3-1 ke atas DRB-Hicom, membelasah Perlis 5-1 dan UiTM FC 4-2 untuk meraih 22 mata dan ber-

ada di tangga ketiga Liga Perdana.

Menyuntik lagi motivasi buat The Settlers, Irfan berkata mereka telah berjaya mendapatkan seorang lagi penyerang dari Australia, Ndumba Makeche bagi membantu Edward Wilson Junior di barisan hadapan.

Selain itu, dia mengakui dalam perbincangan dengan Persatuan

Bolasepak Selangor (FAS) bagi mendapatkan Mohd. Raimi Mohd. Noor dari Selangor yang boleh beraksi di bahagian pertahanan dan sayap.

“Makeche berasal dari Nigeria namun memegang kerakyatan Australia dan kehadirannya akan memberikan saya pilihan di barisan serangan selain Edward.

“Bagi pemain tempatan, saya berharap dapat menyelesaikan urusan perpindahan Raimi dalam masa terdekat kerana saya amat menagih khidmatnya bagi membantu pasukan,” katanya.